

PERKAITAN REALITI SOSIAL KEHIDUPAN MANUSIA DENGAN PENETAPAN HUKUM SYARAK: SATU PENELITIAN TERHADAP AL-SUNNAH

The Connection of Human Social Reality with the Determination of Islamic Legal Rulings: A Study of al-Sunnah

MOHD AKRAM BIN DATO' DAHAMAN@DAHLAN
MUHAMAD KHADAFI BIN HJ ROFIE
MOHD NIZHO BIN ABDUL RAHMAN
MUHAMAD AMAR BIN MAHMAD

ABSTRAK

al-Sunnah yang merupakan sumber kedua selepas al-Quran adalah kalam Allah yang diungkap oleh Rasulullah SAW sama ada dalam bentuk percakapan, perbuatan dan pengakuan. Mempunyai peranan yang cukup besar dalam aspek penetapan hukum sama ada menyetujui hukum sedia ada, memperincikan sesuatu hukum atau menetapkan hukum syarak untuk dilaksanakan oleh manusia. Kedudukan kehidupan manusia pula adalah berbeza mengikut zaman, tempat, realiti dan keadaan masing-masing. Kegagalan memahami sesuatu perintah Allah yang mengambilkira keadaan kehidupan masyarakat manusia merupakan sesuatu yang menyalahi objektif syarak itu sendiri. Hal ini akan melahirkan situasi hukum syarak yang disandarkan dengan dalil berada pada satu tempat, manusia yang merupakan pelaksana hukum tersebut berada pada tempat yang lain. Berdasarkan kes-kes daripada al-Sunnah, satu analisis awal dilakukan bagi meneliti pengambilkiraan realiti kehidupan manusia yang berbeza dalam memahami teks hadith Rasulullah SAW. Berdasarkan analisis, wujud perkaitan yang signifikan antara al-Sunnah dengan realiti sosial kehidupan manusia melibatkan aspek sosiospiritual, sosioekonomi dan sosioteknologi. Hasil daripada dapatan ini mampu membuktikan bahawa sumber al-Sunnah bukan sesuatu yang terpisah daripada kehidupan manusia, malah perlu dibaca secara bersama di dalam menyelesaikan isu-isu kontemporari dan akhirnya mampu menyelesaikan permasalahan yang timbul.

Kata kunci: *Kajian al-Sunnah, Usul al-Fiqh, Sosiologi Agama, Penentuan Hukum Syarak, Sumber Perundangan Islam*

ABSTRACT

al-Sunnah, the second source in Islam after the al-Quran is the word of God is revealed by the Prophet SAW either in the form of conversation, action and recognition. Have a significant role in the determination of hukm whether approving the existing hukm, detailing a hukm or setting a new hukm to be implemented by humans. The position of human life is also varies depending on their time, place, reality and circumstances. Failure to understand God's commandments which is included circumstances that underlie human social life is something that is against the objectives of the hukm itself. This would produce a situation that the hukm placed in one place, people who are implement the hukm is at a different place. Based on the cases of al-Sunnah, a preliminary analysis conducted to examine the connection of the different realities of human life in understanding the text of the hadith of the Prophet Muhammad SAW. Based on that analysis, a significant connection existed between al-Sunnah with the social reality of human life involves socio-spiritual, socio-economic and socio-technology. As a result of these findings could prove that the source of al-Sunnah is not something separate from human life, but should be read together in solving contemporary issues and finally able to solve the problems that arise.

Keywords: *al-Sunnah Studies, Usool al-Fiqh, Sociology of Religion, Determination of Islamic Legal Rulings, Sources of Islamic Law*

PENGENALAN

Al-Sunnah adalah salah satu sumber tertinggi umat Islam. Para sarjana Usul al-Fiqh telah meletakkan kedudukan al-Sunnah di tempat yang kedua di dalam hierarki sumber hukum Islam selepas al-Quran. Malah penggunaan al-Sunnah sebagai sumber hukum adalah disepakati oleh majoriti ulama Islam. Perkara ini jelas dilihat dalam akujanji Abu Musa al-Ash'ari terhadap Umar al-Khattab ketika menjalankan urusan kehakiman.

Peranan al-Sunnah adalah sangat besar terhadap al-Quran. Sebahagian sarjana seperti al-Syafi'i dan Ibn Qayyim telah menjelaskannya meliputi beberapa aspek. al-Sunnah berperanan menyetujui hukum yang telah ditetapkan di dalam al-Quran, memperincikan hukum yang sudah diperuntukkan di dalam al-Quran dan menetapkan sesuatu hukum yang tidak ditetapkan oleh al-Quran (Manna' al-Qattan 1996).

Aplikasinya mencakup seluruh aspek kehidupan manusia melibatkan spiritual, sosial, ekonomi, politik, perundangan dan lain-lain. Hal ini menunjukkan bahawa al-Sunnah adalah sangat rapat dengan keperluan kehidupan manusia dan telah diambil kira di dalam sesuatu arahan atau tegahan yang ada di dalam teks al-Sunnah (Mohd Akram Dahaman 2012).

Dari sudut teori, asas ini telah diterima pakai oleh majoriti ulama dan sarjana Islam. Namun begitu, dari sudut praktikal terdapat kelompondan di dalam memahami sesuatu teks al-Sunnah sehingga sebahagian tidak merasakan perkaitan yang kuat antara teks al-Sunnah dengan realiti yang melatarinya. Oleh itu, satu kupasan yang menyeluruh dengan disertakan analisis yang berfokus terhadap perkaitan al-Sunnah dengan realiti sosial manusia perlu dikemukakan.

AL-SUNNAH DALAM ISLAM

Allah Taala telah menjelaskan tentang al-Sunnah dengan firmanNya di dalam surah al-Nisa' ayat ke 113 yang bermaksud:

“...dan (selain itu) Allah telah menurunkan kepadamu Kitab (al-Quran) serta Hikmah (pengetahuan yang mendalam), dan telah mengajarmu apa-apa yang engkau tidak mengetahuinya. Dan adalah kurnia Allah yang dilimpahkanNya kepada mu amatlah besar”.

Imam al-Syafie (t.th.) di dalam al-Risalah menjelaskan maksud *al-Kitab* ialah al-Quran manakala *al-Hikmah* ialah sunnah Rasulullah SAW. Penjelasan ini telah meletakkan bahawa apa-apa sahaja yang sahih bersumberkan sunnah Rasulullah SAW sama ada berkaitan perkara *al-Tashri'*, kepemimpinan, kehakiman merupakan hujah bagi seluruh umat Islam. Wajib bagi setiap muslim mengikut dan berpegang dengannya sepertimana kedudukan al-Quran (Manna' al-Qattan 1996).

Rasulullah SAW sendiri menjelaskan tentang kedudukan al-Sunnah di dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Malik secara *mursal* yang bermaksud:

“Telah aku tinggalkan kepada kamu semua, tidak sesekali akan sesat selagimana kamu berpegang teguh dengan keduanya: Kitab Allah dan Sunnah rasulNya” (Malik Ibn Anas, *Bab al-Nahy ‘an al-Qawl bi al-Qadar*, no. 1708).

Al-Sunnah atau sinonimnya al-Hadith (Muhammad Muhammad Abu Zahw 1984) adalah sangat penting bagi segenap urusan di dalam Islam sama ada melibatkan urusan hukum bersangkutan aqidah atau *i’tiqadiyyah*, nilai murni dan akhlak atau *tahzibiyyah akhlaqiyyah* dan ibadat bersifat praktikal atau *‘amaliyyah*. Jangkauan al-Sunnah merentasi keseluruhan disiplin ilmu Islam sama ada Usuluddin, Syariah, Dakwah, al-Quran dan al-Sunnah dan Sastera Arab, malah meliputi sub-sub disiplin ilmu-ilmu tersebut. Perkara ini adalah sangat bertepatan dengan kedudukan al-Sunnah itu sebagai sumber kedua ajaran Islam selepas al-Quran al-Karim (al-Qaradawi 1993). Abuddin Nata (2013) menjelaskan bahawa:

“Sebagai sumber ajaran Islam yang kedua setelah al-Quran, keberadaan hadis di samping telah mewarnai masyarakat dalam berbagai bidang kehidupannya, juga telah menjadi bahasan kajian yang menarik, dan tiada henti-hentinya. Penelitian terhadap hadis baik dari segi keotentikannya, kandungan makna dan ajaran yang terdapat di dalamnya, macam-macam tingkatannya maupun fungsinya dalam menjelaskan kandungan al-Quran dan lain sebagainya telah banyak dilakukan para ahli di bidangnya”.

Menurut Manna’ al-Qattan (1996), umat Islam pada setiap generasi telah memberi tumpuan yang sangat tinggi kepada al-Sunnah sama ada dalam bentuk hafalan, penulisan dan periwayatannya. Perkara ini juga telah diberi penekanan oleh Arifuddin Ahmad (2013) dengan katanya:

“Hadis Nabi sebagai sumber kedua ajaran Islam bukan hanya menyangkut persoalan hukum saja melainkan keseluruhan aspek kehidupan manusia, baik di dunia mahupun di akhirat kelak. Selain sebagai sumber hukum, hadis Nabi juga merupakan sumber kerahmatan, sumber teladan, dan/atau sumber ilmu pengetahuan.”

Bukti jelas dalam menunjukkan kedudukan dan jangkauan al-Sunnah di dalam pelbagai bidang ilmu Islam ialah usaha-usaha pendefinisianannya. Takrifan-takrifan yang diberikan adalah mengikut fokus dan tujuan utama sesuatu bidang ilmu Islam tersebut seperti ulama Usul al-Fiqh, ulama al-Hadith, ulama fiqh dan lain-lain (Muhammad Muhammad Abu Zahw 1984).

Sebagai contoh, ulama dalam kalangan ahli al-Hadith mentakrifkan al-Sunnah sebagai sesuatu yang ditinggalkan daripada Nabi SAW yang berbentuk perkataan, perbuatan, pengakuan, sifat dan perjalanan hidup sama ada sebelum perlantikan menjadi nabi atau *bi’tthah* mahupun selepasnya. Takrifan ini adalah bersesuaian dengan objektif ilmu Hadith itu sendiri yang bertujuan meneliti diri Rasulullah SAW sebagai suri teladan. Dinaqalkan keseluruhan yang berkaitan diri Rasulullah SAW tanpa mengira sama ada mengandungi hukum syarak mahupun tidak.

Manakala al-Sunnah menurut ahli al-Usul merupakan sesuatu yang dinaqalkan daripada Nabi SAW dalam bentuk perkataan, perbuatan dan pengakuan (Safwan Adnan Dawudi 1999). Mengikut Mustafa al-Siba’i (1985), hal ini kerana mereka hanya meneliti setiap perkara bersumberkan Rasulullah SAW sebagai orang yang meletakkan

kaedah-kaedah kepada mujtahid, seterusnya menetapkan hukum-hukum syarak daripada kaedah tersebut.

Bagi ulama fiqh pula, mereka mendefinisikan al-Sunnah sebagai sesuatu yang sabit daripada Nabi SAW, bukan membawa maksud fardhu mahupun wajib (al-Shawkani 2003). Perkara ini berlaku kerana tumpuan ulama fiqh adalah kepada penelitian hukum lima yang bersangkutan dengan perlakuan hamba (Abd al-Karim Zaydan 1996).

Dari sudut perlembagaan membabitkan urusan pemerintahan sesebuah negara Islam, al-Mawdudi (1969) meletakkan al-Sunnah sebagai sumber kedua perlembagaan Islam yang mampu mempersembahkan bentuk, corak pelaksanaan dan panduan pemerintahan Rasulullah SAW. Bagi beliau:

“... dan tidak mampu untuk kita mengetahuinya kecuali daripada al-Sunnah al-Nabawiyah satu-satunya. Dengannya kita mengetahui pandangan al-Quran yang sebenarnya seolah-olah al-Sunnah merupakan pelaksanaan kepada asas-asas al-Quran ke atas keadaan-keadaan berbentuk praktikal yang menambahkan asas kepada kita terhadap “*precedents*” dalam perlembagaan Islam, dan kita dapat menghasilkan satu kelompok besar yang penting terhadap *Constitutional Tradition*”.

Bagi ulama dalam bidang dakwah pula, al-Sunnah berperanan sebagai sumber yang utama selepas al-Quran dalam membantu para pendakwah melaksanakan tugas-tugas mereka. Perkara ini penting bagi memastikan kaedah dan metode yang diambil oleh para pekerja dakwah menepati isi kandungannya yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW. Aspek ini adalah penentu kepada keberjayaan sesuatu aktiviti dakwah tersebut (Muhammad Amin Bani ‘Amir 1996). Bagi ‘Abdullah Nasih ‘Ulwan (1997), pengetahuan tentang al-Sunnah merupakan rukun asasi yang perlu ada pada setiap pendakwah Islam. Tidak cukup bagi seseorang pendakwah yang akan menyampaikan mesej dakwah melalui pengajaran, kuliah, khutbah atau penulisan, jika tidak merujuk kepada isi kandungan al-Sunnah.

KEDUDUKAN AL-SUNNAH DALAM URUSAN HUKUM SYARAK

Al-Sunnah di dalam urusan hukum syarak mempunyai peranan yang sama sebagaimana di dalam bidang-bidang ilmu Islam yang lain sebagai salah satu referensi tertinggi selepas al-Quran al-Karim. Perkara ini jelas ditunjukkan oleh jawapan Muaz ibn Jabal ketika dihantar Rasulullah SAW ke Yaman (Ibn ‘Abd al-Barr 1996). Cara al-Sunnah dari sudut menerangkan hukum syarak terbahagi kepada tiga. Pertama ialah menerangkan hukum-hukum yang sebenarnya telas jelas dalam al-Quran. Kedua pula dengan menjelaskan hukum-hukum yang kurang jelas dalam al-Quran seperti kenyataan umum al-Quran dikhususkan oleh al-Sunnah, yang mutlak di dalam al-Quran diperincikan oleh al-Sunnah. Manakala yang ketiga ialah menerangkan hukum yang tidak diterangkan oleh al-Quran langsung (Mahmood Zuhdi Abdul Majid 1992).

Mustafa al-Siba’i (1985) ada menjelaskan tentang kedudukan al-Sunnah dari aspek hukum syarak seperti berikut:

“Tidak dapat diselindung kedudukan al-Sunnah al-Nabawiyah (al-Hadith) pada urusan al-Tashri’ al-Islami dan kesannya terhadap fiqh Islam sejak dari zaman Nabi SAW dan sahabat RA sehingga zaman-zaman imam-imam mujtahid dan zaman pembentukan mazhab. Semua itu menjadikan fiqh Islam perbendaharaan hukum syarak yang tiada tolak bandingnya sama ada dahulu mahupun sekarang. Barangsiapa yang meneliti al-Quran dan al-Sunnah, nescaya akan didapati bahawa pada al-Sunnah kesan yang besar dalam meluaskan skop hukum syarak yang tidak dapat disangkal oleh sesiapa pun”.

Perkara ini sangat jelas apabila penelitian dilakukan terhadap semua pandangan dan pendapat mazhab-mazhab muktabar di dalam hukum fiqh. Satu kebenaran yang tidak dapat diragui ialah bahawa penetapan hukum pada semua mazhab fiqh sama ada *al-Zahiri* ataupun mazhab *al-Ra’y* yang dipelopori oleh mazhab Abu Hanifah sehingga mazhab Ahmad ibn Hanbal telah ditetapkan dengan al-Sunnah (al-Qaradawi 1993). Sebagai contohnya, Sufyan menjelaskan tentang metode penetapan hukum syarak yang diamalkan oleh Abu Hanifah:

“Sesungguhnya saya menggunakan kitab Allah untuk mengambil hukum jika ada, sekiranya tiada saya akan menggunakan sunnah Rasulullah s.a.w dan Athar yang sahih daripada baginda s.a.w yang diriwayatkan oleh mereka yang memiliki sifat *al-thiqah*. Sekiranya tidak terdapat juga di dalam al-Quran dan al-Sunnah saya akan mengambil kata-kata sahabat rasul sesiapa yang saya mahu dan menolak kata-kata mereka mengikut saya. Kemudian saya tidak akan keluar daripada kata-kata mereka kepada kata-kata orang lain. Sekiranya perkara ini berhenti di tangan Ibrahim, al-Sha’bi, al-Hasan, Ibn Sirin, Sa’id ibn al-Musayyib, saya akan berijtihad sepertimana mereka berijtihad” (al-Khatib al-Baghdadi t.th.).

PERKAITAN AL-SUNNAH DENGAN REALITI MANUSIA

Kehidupan manusia sentiasa berdepan dengan bentuk-bentuk perubahan dan perbezaan membabitkan masa, tempat, keadaan dan adat. Perubahan dan perbezaan ini mempunyai pengaruh dan memberi kesan kepada kehidupan manusia. Ibn Khaldūn (1993) telah pun menjelaskan realiti ini di dalam *al-Muqaddimah*:

“Sesungguhnya keadaan dunia dan umatnya serta adat istiadat dan amalan tradisi mereka tidak akan kekal dalam satu bentuk dan satu gelombang. Bahkan ianya turut berubah mengikut perubahan masa dan keadaan sama ada pada individu manusia sendiri ataupun tempat tinggal mereka. Begitulah realiti perubahan yang akan berlaku pada semua masa dan tempat”.

Sebagaimana Islam itu datang sebagai membawa rahmat kepada keseluruhan alam dan isi kandungannya, perkara-perkara membabitkan pengambilkiraan realiti kehidupan sosial manusia dihadapi dengan penuh *deliberated* iaitu dengan penuh perancangan dan persediaan, rasional dan secara sedar tanpa ada sikap acuh tak acuh (Mujiyono Abdillah 2003). Sumber utama dan yang tertinggi Islam iaitu al-Quran telah menyaksikan pengambilkiraan terhadap perkara ini. Pendekatan *al-Tadarruj* iaitu beransur-unsur dan *al-Nasakh* iaitu pemansuhan adalah bukti kukuh menunjukkan pengambilkiraan realiti manusia. Proses *naskh* yang melibatkan pembatalan atau pindaan hukum terdahulu dengan kewujudan hukum kemudian berlaku disebabkan ada

perubahan dan perbezaan pada tujuan sesuatu pensyariatan (al-Zuhaylī 1986). Apabila tujuan pensyariatan itu tidak lagi sesuai, perubahan hukum perlu dilakukan untuk memastikan kemaslahatan manusia itu dapat direalisasikan (Shalabī 1985).

Sebagai contohnya, *'iddah* bagi seorang janda disebabkan kematian suami, hukum asal ialah setahun sepertimana dalam surah al-Baqarah ayat 240 kemudian dipinda kepada empat bulan sepuluh hari sebagaimana tercatat di dalam surah al-Baqarah ayat 234. Begitu juga dengan pindaan hukum hudud terhadap penzina yang bermula dengan penyeksaan dan kurungan di dalam rumah sehingga mereka bertaubat sebagaimana dalam surah al-Nisa' ayat 15-16 kemudian berubah kepada hukuman rotan sepertimana dalam surah al-Nur ayat 2 (al-Khudārī Bik 1969). Melihat kepada contoh-contoh pindaan hukum syarak ini, Muḥammad Muṣṭafā Shalabī (1985) memberi komentarnya dengan menyatakan bahawa:

“Hukum syarak yang awal sebelum dipinda adalah sesuai dengan keadaan ketika itu dan apabila keadaan itu berubah, Allah SWT menurunkan hukum yang baru sebagai ganti supaya mampu dan dapat merealisasikan maksud dan tujuan pensyariatan”.

Beliau menambah lagi dengan katanya: “*Kalaulah sekiranya bukan begitu keadaan mereka pada awalnya, tentulah Allah SWT telah meletakkan hukum nāsikh itu dari awal lagi*”. Pembatalan atau pindaan ini juga bertujuan untuk memastikan sesuatu hukum itu dapat dilaksanakan dengan lebih baik agar mendatangkan lebih kebaikan kepada persekitaran dan keadaan baru yang wujud (Noor Naemah Abd. Rahman, 1995).

Hal bersangkutan perkara ini juga dapat dilihat pada kaedah *al-Tadarruj* yang menjadi antara asas utama proses pensyariatan ketika itu (al-Zuhaylī 2000). Proses pensyariatan terhadap al-Quran yang berlaku secara beransur-ansur ini menjelaskan bahawa syarak begitu mengambil berat tentang suasana dan keadaan masyarakat manusia (al-Ashqar 1991). Contoh jelas dalam hal ini ialah proses pengharaman arak. Allah SWT telah menurunkan tiga ayat berbeza sebelum arak itu diputuskan haram. Perkara ini dijelaskan oleh ‘Ā’ishah yang bermaksud:

“Kalaulah di peringkat awal Islam telah diharamkan arak dan zina nescaya umat Islam pada waktu itu mengambil sikap untuk meneruskan amalan meminum arak dan berzina yang telah sebatil dalam kehidupan mereka” (al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab Fada’il al-Qur’an, Bab Ta’līf al-Quran).

Muḥammad Muṣṭafā al-Zuhaylī (2000) menyatakan bahawa prinsip *al-Tadarruj* perlu demi untuk merealisasikan kemaslahatan manusia yang secara fitrahnya berbeza dan berubah dalam banyak perkara.

Sebagaimana al-Quran, al-Sunnah sebagai antara sumber tertinggi hukum syarak juga sudah pasti menyerap masuk unsur-unsur realiti sosial manusia bagi memastikan arahan dan penetapan tersebut dapat dilaksanakan oleh mukallaf. Sebagai contoh, Di suatu ketika, Rasulullah SAW telah mengarahkan para sahabat RA menyimpan daging yang dikorbankan sempena *‘Ayd al-Adhā* hanya untuk setakat tiga hari sahaja dan disedekah semua yang berbaki daripada daging selepas itu, sedangkan di tahun sebelum para sahabat bebas menikmati daging korban itu malah ada yang menyimpannya sekian lama. Baginda SAW bersabda yang bermaksud:

“Simpanlah kalian daging korban itu sekadar mencukupi untuk tiga hari dan bersedekahlah yang berbaki daripada daging itu selepasnya” (Abu Dawud, *Sunan Abi Dawud*, Kitab al-Dahaya, Bab fi Habs Luhum al-Adahi).

Namun di tahun hadapan, ‘A’ishah melihat para sahabat RA semacam tidak lagi mengikut sepertimana yang diarahkan oleh Rasulullah SAW lantas bertanya kepada baginda. Baginda SAW langsung menjawab:

“Sesungguhnya laranganku itu dikernakan oleh *al-Dafah* (sekumpulan manusia yang datang atau mengembara daripada satu negeri ke negeri yang lain). Oleh itu makanlah, tambahlah bekalan kamu dan bersedekahlah” (al-Nasa’i, *Sunan al-Nasa’i*, kitab al-Dahaya, Bab al-Iddikhar min al-Adahi).

Pengambilkiraan realiti yang melibatkan perbezaan kondisi antara waktu pengharusan dengan waktu penegahan telah mempengaruhi keputusan dan penetapan hukum oleh Rasulullah SAW. Hal itu cukup jelas tercatat di dalam nas hadith tersebut.

Perkaitan hadith dengan realiti dan keadaan juga dapat dilihat dalam kes penulisan nas hadith. Rasulullah SAW melarang keras perbuatan tersebut dengan sabdanya yang bermaksud:

“Jangan kamu semua menulis sesuatu daripadaku (hadith) dan barangsiapa yang menulisnya selain daripada al-Quran hendaklah dia memadamkannya” (Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab al-Zuhd wa al-Raqa’iq, Bab al-Tathabbut fi al-Hadith wa Hukm Kitabah al-‘Ilm).

Namun begitu terdapat hadith yang menyatakan keizinan Rasulullah SAW kepada beberapa para sahabat RA untuk menulis dan mencatat hadith baginda SAW. Abū Hurayrah pernah menjelaskan bahawa antara para sahabat yang banyak meriwayatkan hadith adalah ‘Abd Allāh ibn ‘Amrū: “Sesungguhnya dia menulis hadith sedangkan aku tidak” (al-Bukhari, *Bab Kitabah al-‘Ilm*, no. 113). ‘Abd Allāh Ibn ‘Amrū sendiri pernah memberitahu kepada Rasulullah SAW akan perihal beliau menulis hadith-hadith tersebut, lantas baginda menyatakan maksudnya:

“Tulislah, sesungguhnya aku bersumpah atas diriku yang berada di dalam kekuasaanNya, tidak keluar sesuatu daripada kata-kata itu (hadith) kecuali semuanya benar” (Abu Dawud, *Sunan Abi Dawud*, Kitab al-‘Ilm, Bab Kitabah al-‘Ilm).

Dalam kes ini, Muḥammad Abū al-Layth (2004) membuat komentar dengan berkata: “*Kedua-dua keadaan berikut iaitu keizinan dan larangan, tidak akan berlaku kecuali atas sebab keadaan yang berbeza...*”.

Ketika ditanya kepada baginda tentang amalan yang paling afdal dalam Islam oleh dua orang sahabat, Rasulullah SAW memberikan jawapan yang berbeza terhadap kedua sahabat itu. Ada kalanya Rasulullah SAW memberi jawapan: “*Beriman kepada Allah, kemudian jihad seterusnya haji yang mabrur*”, di kala yang lain pula baginda SAW memberi respon berbeza dengan menyatakan: “*Menunaikan solat pada waktunya kemudian mentaati kedua ibubapa dan seterusnya jihad di jalan Allah*”. Perbezaan

jawapan ini berlaku disebabkan pengaruh yang diambilkira dalam perbezaan dan perubahan keadaan demi menjaga ketidaksamaan si penanya (Ismā'īl Kūksāl 2000). Ibn Hajar (1997) berkata: *“jawapan yang berbeza-beza itu bermaksud untuk meraikan perbezaan latar belakang orang yang bertanya”*.

Daripada contoh-contoh di atas jelas menunjukkan kedudukan interaksi al-Sunnah dengan realiti kehidupan manusia adalah sangat rapat. Untuk lebih menunjukkan perkaitan al-Sunnah dengan realiti sosial manusia, beberapa kes boleh dianalisis dengan mendalam. Setiap kes tersebut akan cuba dianalisis berasaskan peranan realiti sosial meliputi sosiospiritual, sosioekonomi dan sosioteknologi.

REALITI SOSIOSPIRITUAL

Yang dimaksudkan dengan penilaian unsur *sosiospiritual* adalah melibatkan perkara kerohanian, peribadatan, taraf keimanan dan pengetahuan agama. Di dalam kes menziarahi kubur, pada mulanya Rasulullah SAW melarang para sahabat daripada menziarahi kubur. Namun begitu setelah sekian lama, baginda membenarkan perbuatan tersebut sebagai salah satu cara untuk meningkatkan keimanan dengan mengingati mati. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Ziarahilah kubur sesungguhnya menziarahi kubur itu mengingatkan akan kematian”
(Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab al-Jana'iz, Bab Isti'dhan al-Nabi Salla Allah 'Alayh wa Sallam Rabbah 'Azza wa Jalla fi Ziyarah Qabr Ummih).

Muḥammad Muṣṭafā Shalabī (1985) telah meletakkan penilaian akidah dan pegangan umat Islam sebagai nilai yang memberi kesan kepada perubahan hukum syarak yang terdahulu. Beliau menyatakan bahawa: *“Hukum syarak yang awal sebelum dipinda adalah sesuai dengan keadaan ketika itu dan apabila keadaan itu berubah, Allah SWT menurunkan hukum yang baru sebagai ganti supaya mampu dan dapat merealisasikan maksud dan tujuan pensyariaan”*.

Perkara ini lebih jelas apabila disemak sejarah latarbelakang kes ini. Masyarakat arab jahiliyyah ketika sebelum kedatangan Islam menyembah patung dan berhala, malah masyarakat yahudi yang tinggal bersama mereka telah menjadikan kubur para nabi sebagai tempat ibadat. Rasulullah SAW bersabda:

“Allah membunuh (melaknat) orang-orang yahudi, mereka menjadikan kubur-kubur para nabi sebagai tempat ibadat” (al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Salah, Bab Haddathana Abu Sulayman).

Larangan yang dibuat Rasulullah SAW ketika para sahabat masih baru memeluk Islam, akidah mereka masih nipis serta tidak kuat. Al-Shawkānī (1995) memaklumkan bahawa: *“...sebahagian daripada mereka mendakwa bahawa pengharaman menziarahi kubur adalah disebabkan zaman tersebut masih dekat dengan zaman penyembahan berhala”*. Namun begitu, apabila akidah para sahabat sudah berubah menjadi mantap dan segala bentuk berhala telah dimusnahkan, perbuatan menziarahi kubur dibenarkan kembali malah mendapat galakan di sisi syarak (al-Tirmidhi, *Bab Ma Ja 'a fi al-Rukhsah*

fi Zayarah al-Qubur, no. 1054). Berdasarkan laporan kes ini berserta ulasannya, dapat difahami bahawa nilai pegangan akidah yang bersangkutan dengan realiti sosiospiritual masyarakat di antara lemah dan mantap telah diambilkira.

REALITI SOSIOEKONOMI

Sosioekonomi pula adalah berkait langsung dengan keadaan ekonomi yang berlaku di dalam masyarakat seperti perniagaan, keperluan hidup, pekerjaan, tanah, harta benda dan kewangan (Muhammad Firdaus Nurul Huda 2002).

Zakat fitrah adalah wajib ke atas semua individu yang bergelar muslim, lelaki dan perempuan, sekali dalam setahun *qamariyyah* sebelum menunaikan solat Aidilfitri (Ibn Rushd al-Andalusi 1996). Kadar pembayaran bagi zakat fitrah ini telah dimaklumkan oleh Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Bahawa Rasulullah SAW telah menentukan kadar yang wajib dibayar dalam zakat fitrah satu gantang kurma atau satu gantang gandum “*al-sha‘ir*”, bagi semua orang merdeka, hamba, lelaki atau wanita daripada kalangan umat Islam” (al-Bukhari, *Bab Fard Sadaqah al-Fitr*, no. 1503).

Jelas di sini bahawa pembayaran zakat fitrah yang ditetapkan Rasulullah SAW adalah dalam bentuk makanan ruji penduduk semenanjung arab ketika itu. Ulama telah bersepakat bahawa pembayaran zakat fitrah adalah mengikut jenis makanan utama dan ruji penduduk setempat (Ibn Hubayrah 1996). Ketika zaman ‘Umar ibn ‘Abd al-‘Azīz, beliau telah membolehkan pembayaran zakat fitrah dilakukan dengan nilai wang selain cara yang sedia ada. Diriwayatkan daripada Wakī‘ daripada Qurrah:

“Surat keputusan ‘Umar Ibn ‘Abd al-‘Aziz mengenai zakat fitrah datang kepada kami. Di dalam surat itu diputuskan: Kadar bayaran zakat fitrah setengah gantang setiap satu orang atau harga setengah gantang iaitu setengah dirham” (Ibn Abu Shaybah, *Bab fi I’ta al-Darahim fi Zakah al-Fitr*, no. 10463).

Berdasarkan pendekatan yang diambil oleh ‘Umar ibn ‘Abd al-‘Azīz, dapat difahami bahawa ketetapan Rasulullah SAW melalui hadith di atas bukan sahaja mengandungi makna pembayaran mengikut makanan ruji masyarakat setempat, tetapi juga bersangkutan dengan perkembangan ekonomi yang berlaku iaitu penggunaan wang dalam urusan niaga. Penggunaan wang dalam kalangan masyarakat arab Jazirah adalah sangat jarang, kerana itu mereka menjalankan urusan niaga secara pertukaran dengan menggunakan makanan utama (Muhammad Firdaus Nurul Huda 2002). Atas dasar ini, pembayaran zakat fitrah dengan menggunakan makanan ruji adalah munasabah bagi memudahkan implimentasi. Akan tetapi apabila corak ekonomi masyarakat telah berubah dan berbeza, wang tidak lagi sedikit dan tidak lagi sukar didapati, bahkan lebih banyak dan lebih mudah digunakan, pembayaran menerusi nilai wang adalah lebih munasabah dan lebih bermanfaat (al-Qaradawi 1998).

Abū al-Layth al-Khayr Ābādī (2004) melihat bahawa peletakan buah kurma, gandum dan kismis di dalam hadith tersebut adalah disebabkan urusan jual beli ketika itu berbentuk sistem *barter* yang menggunakan bahan makanan tersebut berperanan

sebagai mata wang. Al-Sarakhsi (t.th.) telah menjelaskan perkara ini dengan berkata: “...ini kerana jual beli pada zaman Rasulullah SAW di Madinah berlaku dengan menggunakan ‘al-*ḥinṭah*’ dan ‘al-*Sha’r*’, manakala di tempat kita sekarang jual beli adalah dengan menggunakan wang”.

Penggunaan wang yang menyeluruh sebagai alat jualbeli dan pemilikan oleh manusia berbanding sistem-sistem lain sebelum ini seperti sistem *barter* telah memberi ruang yang baru kepada perlaksanaan pembayaran zakat fitrah yang lebih efisien. Jelas sekali bahawa nilai sosioekonomi dari sudut penggunaan wang sebagai alat jual beli telah diambilkira dalam memahami teks hadith Rasulullah SAW tersebut.

SOSIOTEKNOLOGI

Sosioteknologi pula merujuk kepada hubungan masyarakat manusia dengan teknologi. Menurut konsep ilmu sosial, perubahan sains dan teknologi akan mengakibatkan perubahan berlaku kepada hubungan di antara manusia dengan alam dan masyarakat. Hal ini akan menatijahkan banyak sekali perkara-perkara baru, memperluaskan skop masalah-masalah lama dan boleh mengubah konsep asal sesuatu perkara (Mehmet Erdogan 1994).

Persoalan rukyah anak bulan (*al-Hilāl*) yang melibatkan penentuan awal Ramadan dan Hari Raya Puasa juga antara kes yang lebih menjelaskan lagi perkaitan perkembangan ilmu sains dan teknologi dengan al-Sunnah yang menjadi sumber penetapan hukum syarak. Rasulullah SAW bersabda:

“Janganlah kamu berpuasa sehinggalah kamu melihat anak bulan (Ramadan), dan janganlah kamu berhenti puasa sehinggalah kamu melihatnya (anak bulan Syawal). Namun apabila kamu terlindung oleh awan maka perkirakanlah” (al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Sawm, Bab Qawl al-Nabi Idha Ra’aytum al-Hilal fa Sumu wa Idha Ra’aytumuh fa Aftiru).

Berdasarkan hadith di atas terdapat pelbagai pendapat dalam kalangan ulama bagi menetapkan hukum ketika anak bulan tidak dapat dilihat dengan jelas (al-Ashqar *et al.* 1997). Ibn ‘Ābidīn (t.th.) menyimpulkan bahawa pendapat yang kukuh dan wajib dipegang ialah penetapan tarikh awal Ramadan hanya dapat dilaksanakan menerusi cara rukyah sahaja atau dengan menyempurnakan bilangan bulan Syaaban kepada tiga puluh hari. Pendapat ini merupakan *qawl mu’tamad* dalam mazhab yang empat (al-Zuhayli 1985). Alasan yang diberikan oleh ulama ialah pengetahuan masyarakat terhadap ilmu astronomi amat kecil dan sukar didapati, semua itu merupakan beban yang berat (Muhammad Firdaus Nurul Huda 2002). Ibn Hajar al-‘Asqalānī (1997) menjelaskan alasan ini:

“...yang dimaksudkan dengan hisab di sini ialah hisab mengenai bintang-bintang serta perjalanan mereka (dari segi astronomikal). Masyarakat memang tidak mengetahui melainkan segelintir orang. Oleh itu, tidak menghubungkaitkan hukum puasa dan lainnya dengan rukyah telah menghilangkan beban yang memberat daripada mereka yang mesti menanggung perlaksanaan hisab astronomi...”.

Alasan yang diberikan ini adalah bersesuaian dengan latarbelakang keadaan masyarakat Islam ketika itu. Masyarakat arab yang merupakan majoriti umat Islam adalah bangsa yang buta huruf dan tidak pandai membuat pengiraan rumit melainkan hanya mengetahui bahawa bilangan hari dalam sebulan adalah antara dua puluh sembilan hari atau tiga puluh hari “*qamariyyah*” (al-Bukhari, *Bab Qawl al-Nabi La Naktub wa La Nahsib*, no. 1913). Setelah itu, walaupun ilmu dalam segenap bidang berkembang dengan pesat bersama-sama perkembangan Islam, masyarakat arab dan umat Islam sudah berjaya menguasai ilmu sama ada ilmu syarak mahupun ilmu realiti, ilmu astronomi masih dianggap salah dan tidak tepat. Ibn Bazīzah mengatakan: “...*mazhab hisab adalah salah. Syariah sendiri melarang mendalami ilmu nujum kerana ia hanyalah perkiraan dan sangkaan, tidak ada kepastian bahkan tidak ada dugaan kuat (mengenai ketepatannya)*...” (Ibn Hajar al-‘Asqalani 1997).

Keadaan dan suasana ini menyebabkan tidak ramai individu yang mahir dan menjadi pakar sebagai tempat rujukan untuk menetapkan awal ramadhan dan awal syawal dengan menggunakan kaedah hisab. Perkara ini telah menjadi sebab ulama pada dekad-dekad lepas tidak menerima penetapan ramadhan dan syawal menggunakan metode “*hisāb*”: “...*apabila perintah puasa bergantung kepada hisab, nescaya akan berlaku kesukaran (bagi masyarakat kerana hanya sedikit sahaja orang yang mengetahuinya)*” (Ibn Hajar al-‘Asqalani 1997).

Namun begitu, setelah ilmu kajian cekerawala dan astronomi sudah semakin maju, sudah ramai pakar dalam kalangan orang Islam serta taraf keilmuan juga sudah menyeluruh dan meningkat, ulama sudah melihat perkara ini bukan lagi sebagai satu bebanan dan kepayahan. Malah tanggapan bahawa ilmu astronomi adalah sama dengan ilmu nujum yang berasaskan perkiraan dan sangkaan sudah mula terhakis. Hasilnya, semenjak dari awal abad lepas sudah ada di kalangan sarjana dan pemikir Islam telah mula meletakkan pengiraan secara “*hisāb*” sebagai salah satu cara mengetahui kedatangan bulan Ramadan dan Syawal terutama ketika anak bulan tidak dapat dilihat kerana terhalang awan (al-Qaradawi 1993). Pendapat ini disokong oleh ramai ulama dan sarjana Islam akhir-akhir ini. Malah perkara ini juga sudah diperbincangkan dalam banyak muktamar dan seminar lantas membuahkan sebilangan deklarası menyokong cara ini sebagai cara yang lebih meyakinkan untuk menentukan anak bulan (Muhammad Firdaus Nurul Huda 2002).

KESIMPULAN

Dapat disimpulkan daripada perbincangan di atas bahawa al-Sunnah adalah sumber yang tertinggi selepas al-Quran di dalam segenap lapangan dan ilmu Islam. Perkara ini sangat dapat difahami daripada petunjuk-petunjuk ayat al-Quran, hadith Rasulullah SAW dan juga amalan para sahabat RA.

Wahyu Allah diturunkan melalui wajah al-Quran dan al-Sunnah mengandungi perintah dan larangan untuk diikuti oleh manusia. Secara jelas, kehidupan manusia adalah berbeza berlatarbelakangkan kehidupan sosial, ekonomi, politik, geografi masing-masing. Islam sangat meraikan perkara ini agar syariat dapat dilaksanakan

secara sempurna. Kedudukan ini tidak pernah diabaikan oleh petunjuk-petunjuk daripada al-Sunnah. Analisis yang dilakukan telah membuktikan perkaitan al-Sunnah dengan kehidupan sosial manusia. Hasil daripada beberapa kes yang telah diselidiki mendapati al-Sunnah mempunyai perkaitan dengan kedudukan sosio-spiritual, sosioekonomi dan sosioteknologi kehidupan manusia.

Hal ini menatijahkan satu perkara yang jelas iaitu sumber al-Sunnah bukan sesuatu yang terpisah daripada kehidupan manusia, malah perlu dibaca secara bersama di dalam menyelesaikan isu-isu kontemporari. Signifikan kepada perkara ini adalah keperluan para ulama dan mufti mengambil petunjuk Rasulullah SAW dalam meraikan perbezaan dan perubahan suasana, keadaan serta realiti setempat dalam mengutarakan pandangan hukum dan fatwa.

RUJUKAN

- ‘Abdullah Nasih ‘Ulwan. 1997. *Silsilah Madrasah al-Du‘ah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Abd al-Karim Zaydan. 1996. *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Mu‘assasah al-Risalah.
- Abu Dawud Sulayman ibn al-Ash‘ath al-Sajishtani. 1996. *Sunan Abu Dawud*. Riyad: Maktabah al-Ma‘arif.
- Abuddin Nata. 2013. *Metodologi Studi Islam*. Jakarta: Rajawali Press.
- Ahmad ibn Shu‘ayb ibn ‘Ali al-Nasa’i. 1996. *Sunan al-Nasa’i*. Riyad: Maktabah al-Ma‘arif.
- Arifuddin Ahmad. 2013. *Metodologi Pemahaman Hadis*. Makassar: Alauddin University Press.
- al-Ashqar, ‘Umar Sulayman. 1991. *Tarikh al-Fiqh al-Islami*. Amman: Dar al-Nafa’is.
- al-Ashqar, ‘Umar Sulayman et al. 1997. *Masa’il fi al-Fiqh al-Muqarin*. Amman: Dar al-Nafa’is.
- al-Bukhari, Muhammad ibn Isma‘il Abu ‘Abd Allah. 1997. *Sahih al-Bukhari*. Riyad: Dar al-Salam.
- Ibn Abu Shaybah. 2004. *al-Musannaf*. Riyad: Maktabah al-Rushd.
- Ibn ‘Abidin. t.th. *Majmu‘ah Rasa’il ibn ‘Abidin*. Beirut: ‘Alam al-Kutub.
- Ibn ‘Abd al-Barr. 1996. *Sahih Jami’ Bayan al-‘Ilm*. Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyah.
- Ibn Hajar al-‘Asqalani. 1997. *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*. Damsyik: Maktabah Dar al-Fayha’.
- Ibn Rushd al-Andalusi. 1996. *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Khaldun. 1993. *Muqaddimah*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Isma‘il Kuksal. 2000. *Taghayyur al-Ahkam fi al-Shari‘ah al-Islamiyyah*. Beirut: Mu‘assasah al-Risalah.
- Jamal al-Din al-Qasimi. 1987. *Qawa’id al-Tahdith*. Beirut: Dar al-Nafa’is.
- al-Khatib al-Baghdadi. t.th. *Tarikh al-Baghdad*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Khudari Bik, Muhammad. 1969. *Tarikh al-Tashri’ al-Islami*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. 1992. *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.
- Malik ibn Anas. 1998. *al-Muwatta’*. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.
- Manna’ al-Qattan. 1996. *Tarikh al-Tashri’ al-Islami*. al-Riyadh: Maktabah al-Ma‘arif.
- al-Mawdudi. 1969. *Nazariyyah al-Islam wa Hadyih*. Lahore: Dar al-Fikr.
- Mehmet Erdogan. 1994. *Islâm Hukukunda Ahkâmın Degışmesi*. Istanbul: Marmara Universitesi.
- Mohd Akram Dahaman. 2012. Pengaruh perubahan sosial dalam penetapan fatwa di Malaysia dan Singapura: kajian terhadap fatwa-fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJFK) dan Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS). Tesis Ph.D, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Muhammad Abu al-Layth al-Khayr Abadi. 2004. Manhajiyyah al-ta‘amul ma’a al-bu‘dayn al-zamani wa al-makani fi al-sunnah ‘inda al-muhaddithin. *Islamiyyah al-Ma‘rifah* 9(37-38).
- Muhammad Amin Bani ‘Amir. 1996. *Asalib al-Da‘wah wa al-Irshad*. Irbid: Jami’ah al-Yarmuk.
- Muhammad Muhammad Abu Zahw. 1984. *al-Hadith wa al-Muhaddithun*. Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi.

- Mujiyono Abdillah. 2003. *Dialektika Hukum Islam dan Perubahan Sosial: Sebuah Refleksi Sosiologi atas Pemikiran Ibn Qayyim al-Jawziyyah*. Surakarta: Muhammadiyah University Press.
- Muslim ibn al-Hajjaj al-Naysaburi. 2006. *Sahih Muslim*. Riyad: Dar Tayyibah.
- Noor Naemah Abd. Rahman. 1995. Pengaruh perubahan (*al-taghayyur*) dalam pembinaan hukum: tinjauan terhadap konsep dan realiti di Zaman Rasulullah s.a.w. *Jurnal Syariah* 3(2).
- al-Qaradawi, Yusuf. 1993. *al-Marja'iyah al-'Ulya fi al-Islam li al-Quran wa al-Sunnah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Qaradawi, Yusuf. 1993. *Ijtihad Mu'asir Bayn al-Indibat wa al-Infatih*. Kaherah: Dar al-Tawzi' wa al-Nashr.
- al-Qaradawi, Yusuf. 1998. *Fiqh al-Zakah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Safwan Adnan Dawudi. 1999. *al-Lubab fi Usul al-Fiqh*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- al-Sarakhsi, Shams al-Din. t.th. *Kitab al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Shawkani, Muhammad ibn Ali. 2003. *Irshad al-Fuhul*. Damsyik: Dar Ibn Kathir.
- al-Siba'i, Mustafa. 1985. *al-Sunnah wa Makanuha fi al-Tashri' al-Islami*. Beirut: al-Maktabah al-Islami.
- al-Syafie, Muhammad ibn Idris. t.th. *al-Risalah*. Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah.
- al-Shawkani. 1995. *Nayl al-Awtar*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Tirmidhi, Muhammad ibn 'Isa ibn Surah. 1996. *Sunan al-Tirmidhi*. Riyad: Maktabah al-Ma'arif.
- Yahya ibn Muhammad ibn Hubayrah. 1996. *al-Ifsah 'an Ma'ani al-Sihah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Zuhayli, Wahbah. 1986. *Usul al-Fiqh al-Islami*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- al-Zuhayli, Muhammad Mustafa. 2000. *al-Tadarruj fi al-Tashri' wa al-Tatbiq fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Kuwait: Idarah al-Buhuth wa al-Dirasat.

Mohd Akram bin Dato' Dahaman@Dahlan

akram@uum.edu.my

Jabatan Tamadun dan Falsafah,

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM CAS,

Universiti Utara Malaysia

MALAYSIA

Muhamad Khadafi bin Hj Rofie

khadafi@uum.edu.my

Jabatan Tamadun dan Falsafah,

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM CAS,

Universiti Utara Malaysia

MALAYSIA

Mohd Nizho bin Abdul Rahman

nizho@uum.edu.my

Jabatan Tamadun dan Falsafah,

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM CAS,

Universiti Utara Malaysia

MALAYSIA

Muhamad Amar bin Mahmad

m.amar@uum.edu.my

Jabatan Tamadun dan Falsafah,

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM CAS,

Universiti Utara Malaysia

MALAYSIA

Journal of Contemporary Islamic Law

Vol. 2(2) (2017)

Editor-In-Chief

Dr. Mohd Al Adib Samuri

Co-Editor

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

Secretary

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

Senior Editors

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad

Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad

Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad

Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah

Assoc. Prof. Dr. Ibnor Azli Ibrahim

Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin

Chief Managing Editor

Dr. Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor

Anwar Fakhri Omar

Bahasa Copy Editor

Dr. Mohd Zamro Muda

Md. Yazid Ahmad

Editor

Dr. Mohammad Zaini Yahaya

Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

Dr. Azlin Alisa Ahmad

Mohd Hafiz Safiai

Published by:

Jabatan Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Suggested citation style

Author, (2017), Title, Journal of Contemporary Islamic Law, 2(2), pages,
<http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Noncommercial-No Derivative Works 3.0 Unported License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>). You can download an electronic version online. You are free to copy, distribute and transmit the work under the following conditions: Attribution – you must attribute the work in the manner specified by the author or licensor (but not in any way that suggests that they endorse you or your use of the work); Noncommercial – you may not use this work for commercial purposes; No Derivate Works – you may not alter, transform, or build upon this work.

Journal of Contemporary **ISLAMIC LAW**

Volume: 2 Issue: 2

eISSN: 0127-788X

DECEMBER 2017



Published by:
Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
www.ukm.my/jcil

eISSN 0127-788X

